



Antara aksi Muhammad Ameer Nasrun (kanan) pada KL2017.

Pingat emas 'hadiah' pengorbanan untuk negara

profil

Muhammad Ameer Nasrun Zulkeffli

- **Umur:** 24 tahun
- **Tarikh lahir:** 24 Mac 1993
- **Tempat lahir:** Kuala Krai, Kelantan
- **Kedudukan dalam keluarga:** Anak sulung daripada lima adik-beradik
- **Posisi dalam pasukan ragbi kebangsaan:** Pemain forward
- **Antara pencapaian:**
 - Pingat emas KL2017
 - Pingat perak Sukan SEA 2015 di Singapura

Oleh **Nor Azma Laila**
norazma@bh.com.my

► Serdang

Berikutan kekangan masa dan komitmen tinggi pada bidang sukan negara, atlet ragbi dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Muhammad Ameer Nasrun Zulkeffli, sanggup mengambil keputusan menangguhkan pengajian selama dua semester.

Beliau yang tidak dapat memenuhi jadual asal menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Jasmani) pada November depan, mengaku adakala hanya sempat menghadiri kuliah pagi dan masa selebihnya diperuntukkan bagi sesi latihan.

"Begitupun, pengorbanan ini ternyata berbaloi apabila mampu membantu pasukan negara meraih pingat emas pada Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017)," katanya.

Muhammad Ameer Nasrun yang menceburi ragbi sejak lebih tujuh

tahun lalu, melakar kenangan manis membarisi pasukan Malaysia menundukkan Singapura dengan jaringan 22-7 untuk muncul juara pada temasya musim ini.

Beliau aktif dalam sukan berkenaan selepas terpilih memasuki Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail, Johor, dan kini memikul tanggungjawab sebagai pemain *forward* dalam pasukan kebangsaan.

Diuji kecederaan

Namun, perjalanan beliau dalam sukan ragbi tidak terlepas daripada diuji masalah kecederaan, termasuk patah jari tangan kanan dan koyak *anterior cruciate ligament* (ACL).

"Kecederaan pertama berlaku pada 2013 menyebabkan saya terpaksa menarik diri daripada menyertai pasukan ragbi ke temasya Sukan Komanwel 2014 di Glasgow, Scotland.

"Seterusnya, saya terpilih mewakili Malaysia ke Sukan Asia 2014 di Incheon, Korea Selatan, diikuti membantu menyumbangkan pingat

perak pada Sukan SEA 2015 di Singapura.

Beri yang terbaik

"Bagaimanapun pada perlawanan akhir di Singapura itu, saya mengalami kecederaan ACL sehingga perlu berehat selama enam bulan," katanya ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

Anak sulung daripada lima adik-beradik itu berkata, keluarga, rakan, pensyarah dan jurulatih tidak jemu mencurahkan sokongan, sekali gus menyumbang pada kejayaannya di arena ragbi.

"Meskipun latar belakang keluarga tiada yang aktif dalam ragbi atau sukan lain, mereka tetap menyokong pembabitannya ini, malah turut berbangga dengan pencapaian pada KL2017.

"Selagi khidmat diri ini diperlukan dalam pasukan kebangsaan, termasuk untuk beraksi pada Sukan Asia 2018, saya akan berusaha memberikan yang terbaik demi mengharumkan nama Malaysia di persada dunia," katanya.